



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

ANUITI TERTANGGUH

KETETAPAN UMUM NO. 4/2014

TARIKH PENERBITAN: 24 JUN 2014



Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Diterbitkan pada 24Jun 2014

Edisi pertama pada 24 Jun 2014

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



KANDUNGAN	Muka Surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Anuiti Secara Umum	2
5. Anuiti Tertanggung	5
6. Layanan Cukai	7

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 [ACP] memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat ketetapan umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian dari ketetapan umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan -

- 1.1 potongan bagi premium yang dibayar oleh individu untuk anuiti tertangguh;
- 1.2 pengecualian pendapatan anuiti bagi individu; dan
- 1.3 pengecualian pendapatan bagi penanggung insurans hayat dan pengendali takaful daripada pelaburan yang dibuat daripada dana hayat atau dana keluarga berhubung dengan anuiti tertangguh.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan Ketetapan Umum ini adalah subseksyen 2(1), 6(1), 49(1D), 49(1E) dan 49(3), seksyen 50 dan 109G, Bahagian XVI Jadual 1 dan perenggan 20A dan 36 Jadual 6.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut.

- 3.1 “Pemastautin” bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk satu tahun taksiran menurut seksyen 7 atau 8 ACP.
- 3.2 “Hilang upaya langsung yang kekal” bermaksud hilang upaya langsung yang kekal sebagaimana yang dinyatakan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4].
- 3.3 “Individu” bermaksud orang sebenar.
- 3.4 “Insurans” termasuk suatu skim takaful menurut Akta Takaful 1984 [Akta 312]. ⁽¹⁾
- 3.5 “Pembayar” bermaksud penanggung insurans hayat atau pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759].
- 3.6 “Penanggung insurans” bermaksud seseorang yang menjalankan perniagaan insurans dan termasuk seorang penanggung insurans semula profesional.

- 3.7 “Penyakit serius” bermaksud sindrom kurang daya tahan penyakit, penyakit Parkinson, kanser, kegagalan ginjal, leukemia atau lain-lain penyakit yang serupa.
- 3.8 “Premium” berkenaan dengan insurans, termasuk caruman atau ansuran yang boleh dibayar di bawah suatu skim takaful menurut Akta Takaful 1984. ⁽²⁾
- 3.9 “Pendapatan berkanun” berhubungan dengan seseorang, suatu sumber dan suatu tahun taksiran bermaksud pendapatan berkanun yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.10 “Pendapatan agregat” berhubungan dengan seseorang dan suatu tahun taksiran bermaksud pendapatan agregat yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.11 “Jumlah pendapatan” berhubungan dengan seseorang dan suatu tahun taksiran bermaksud jumlah pendapatan yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.12 “Pendapatan yang boleh dikenakan cukai” berhubungan dengan seseorang dan suatu tahun taksiran bermaksud pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang ditentukan mengikut ACP .

(1) & (2) Akta Takaful 1984 telah dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang berkuat kuasa mulai 30.6.2013.

4. Anuiti Secara Umum

4.1 Terma yang digunakan

- 4.1.1 “Penerima anuiti” bagi sesuatu polisi anuiti tertanggung adalah individu yang menerima pendapatan anuiti daripada polisi tersebut.
- 4.1.2 “Benefisiari” bagi sesuatu polisi anuiti tertanggung adalah individu yang menerima manfaat kematian apabila penerima anuiti meninggal dunia. Setiap polisi anuiti tertanggung mempunyai sekurang-kurangnya seorang benefisiari. Jika penamaan tidak dibuat bagi benefisiari, maka manfaat kematian akan dibayar kepada pemohon yang mengemukakan Geran Probet, Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian.
- 4.1.3 “Pemilik polisi” (juga dikenali sebagai pemegang polisi) ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 sebagai orang yang mempunyai hak di sisi undang-undang ke atas polisi dan termasuk:

- (a) kepada pemegang serah hak jika polisi telah diserahkan;
- (b) kepada wakil bagi pemilik polisi, jika wakil bagi pemilik polisi yang sudah meninggal dunia berhak terhadap penanggung insurans bagi manfaat polisi tersebut;
- (c) kepada penerima anuiti, jika berkaitan dengan polisi yang memperuntukkan pembayaran anuiti; dan
- (d) kepada seseorang yang suatu wang itu genap masa dan kena dibayar di bawah suatu polisi, sama ada wang yang genap masa dan kena dibayar secara berkala atau sebaliknya.

4.2 Maksud anuiti

Anuiti merujuk kepada –

- (a) suatu bayaran wang tetap yang dibayar secara tahunan kepada seorang individu, kebiasaannya untuk jangka hayat yang akan datang, atau
- (b) suatu bentuk insurans yang menyediakan pendapatan tetap tahunan.

4.3 Anuiti berhubung dengan insurans atau perniagaan takaful

- 4.3.1 “Anuiti” bermaksud hak untuk menerima pembayaran berkala setahun sekali atau lebih dari sekali dalam setahun di bawah satu kontrak dengan penanggung insurans hayat atau pengendali takaful. Ia merujuk kepada suatu kontrak di mana seorang penanggung insurans hayat atau pengendali takaful bersetuju untuk membuat pembayaran pendapatan kepada penerima anuiti secara tetap bagi suatu tempoh masa yang ditetapkan. Pembayaran pendapatan tersebut dipanggil anuiti, manfaat anuiti atau pendapatan anuiti.
- 4.3.2 Sebagai balasan kepada bayaran pendapatan anuiti tersebut, seorang individu dikehendaki membayar kepada penanggung insurans hayat atau pengendali takaful suatu amaun wang yang dikenali sebagai harga pembelian polisi atau sijil. Harga pembelian tersebut boleh dibayar secara premium tunggal atau premium berkala.
- 4.3.3 Penanggung insurans hayat atau pengendali takaful mula membuat pembayaran pendapatan anuiti kepada penerima

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA **Ketetapan Umum No. 4/2014**
Tarikh Penerbitan: 24 Jun 2014

anuiti mengikut tarikh yang ditetapkan. Tarikh tersebut mungkin sebaik sahaja atau tidak lama selepas pembelian anuiti tersebut, atau ditangguhkan kepada suatu tarikh yang akan datang seperti tarikh bersara.

- 4.3.4 Tarikh pembelian polisi anuiti adalah tarikh polisi anuiti dikeluarkan oleh penanggung insurans hayat atau pengendali takaful kepada pemegang polisi.
- 4.3.5 Terdapat pelbagai jenis anuiti yang boleh dikategorikan mengikut pelbagai faktor contoh seperti masa pembayaran, jenis pelaburan dan pilihan manfaat. Berasaskan masa pembayaran pendapatan kepada penerima anuiti, anuiti boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu:
- (a) Anuiti serta-merta merujuk kepada kontrak insurans atau takaful di mana penerima anuiti mula menerima pendapatan anuiti sebaik sahaja atau dalam tempoh satu tahun selepas pembelian polisi dibuat. Harga pembelian bagi anuiti serta-merta biasanya dibayar secara sekaligus sebagai caruman premium pada masa pembelian.
 - (b) Anuiti tertangguh merujuk kepada kontrak, plan, skim atau polisi, insurans atau takaful yang mana penanggung insurans hayat atau pengendali takaful bersetuju untuk membuat bayaran pendapatan anuiti, sebagai balasan kepada harga pembelian, kepada penerima anuiti secara tetap untuk tempoh masa yang tertentu yang bermula pada suatu tarikh tetap yang melebihi 12 bulan selepas pembelian kontrak, plan, skim atau polisi, insurans atau takaful tersebut.

Contoh 1

Bee Bee telah dilahirkan pada 1.1.1970. Beliau akan bersara pada 1.1.2030 pada usia 60 tahun. Pada 1.12.2012 beliau membeli polisi anuiti daripada syarikat insurans hayat yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996⁽³⁾ dengan harga RM100,000 dengan tujuan untuk mewujudkan satu siri pendapatan berkala selepas beliau bersara. Harga pembelian dibayar secara premium bulanan sebanyak RM700 dan premium terakhir sebanyak RM600 yang akan tamat pada 1.10.2024. Bayaran anuiti dijadualkan akan bermula apabila beliau mencapai umur 55 tahun pada 1.1.2025

iaitu sebanyak RM1,000 sebulan sehingga beliau meninggal dunia.

Dalam kes ini, anuiti tersebut adalah anuiti tertanggung memandangkan Bee Bee hanya akan menerima pendapatan anuiti mulai 1.1.2025, iaitu melebihi 12 bulan selepas pembelian polisi anuiti pada 1.12.2012.

(3) Akta Insurans 1996 telah dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang berkuat kuasa mulai 30.6.2013.

5. Anuiti Tertanggung

5.1 Ciri-ciri anuiti tertanggung

Untuk tujuan cukai pendapatan, anuiti tertanggung yang dibeli pada atau selepas 1.1.2014 dikehendaki mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

5.1.1 Dikeluarkan oleh penanggung insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; dan

5.1.2 Mempunyai Piawaian Simpanan Persaraan yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

5.2 Piawaian Simpanan Persaraan (PSP)

Objektif PSP adalah untuk memastikan produk anuiti tertanggung memberi manfaat persaraan yang sebenar kepada pemegang polisi. PSP yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia menetapkan terma dan syarat bagi bayaran manfaat anuiti atau pengeluaran seperti berikut:

5.2.1 Umur bayaran minimum dan tempoh bayaran minimum

- (a) Bayaran anuiti tidak boleh bermula sebelum umur 55 tahun, atau umur persaraan minimum yang ditetapkan di bawah perundangan bertulis yang terpakai pada masa pembelian, yang mana terkemudian.
- (b) Bayaran anuiti hendaklah dibayar untuk tempoh minimum 10 tahun atau sekurang-kurangnya sehingga umur 70 tahun, yang mana terkemudian.

- (c) Manfaat boleh dibayar jika berlakunya kematian, hilang upaya langsung yang kekal atau penyakit kritikal kepada individu yang diinsuranskan sebelum bayaran anuiti bermula atau dalam tempoh bayaran anuiti.

5.2.2 Pengekalan Amaun Minimum (PAM)

Pengeluaran sebahagian adalah dibenarkan pada bila-bila masa tetapi tertakluk kepada PAM yang perlu dikekalkan. Lebih spesifik lagi selepas pengeluaran sebahagian, nilai dana unit dan nilai tunai hendaklah sekurang-kurangnya sama dengan PAM bagi produk yang berkaitan pelaburan dan produk tradisional masing-masing.

(Untuk makluman tambahan berkenaan PAM, sila rujuk Panduan Bagi Perniagaan Anuiti Tertanggung yang dikeluarkan oleh Persatuan Insurans Hayat Malaysia.)

5.3 Rekabentuk anuiti tertanggung

5.3.1 Anuiti tertanggung boleh direkabentuk seperti berikut:

- (a) Konvensional atau perniagaan berkaitan pelaburan.
- (b) Pelan asas atau rider.
- (c) Premium tunggal atau premium tahunan.

5.3.2 Jumlah premium bagi polisi anuiti tertanggung hendaklah dibahagikan kepada dua (2) komponen yang berasingan seperti berikut:

- (a) Premium anuiti,
- (b) Premium bukan anuiti.

5.3.3 Premium anuiti hendaklah sekurang-kurangnya sebanyak 50% daripada jumlah premium.

5.3.4 Jika polisi anuiti serta-merta memenuhi kesemua ciri-ciri anuiti tertanggung yang dinyatakan di perenggan 5.1, dan penerima anuiti sebenarnya hanya menerima pendapatan anuiti mulai pada suatu tarikh yang melebihi 12 bulan daripada pembelian polisi, maka polisi tersebut boleh dianggap sebagai anuiti tertanggung.

6. Layanan Cukai

6.1 Potongan untuk premium anuiti tertanggung yang dibayar oleh individu

Untuk menggalakkan individu menambah simpanan bagi tujuan persaraan, premium yang dibayar untuk anuiti tertanggung boleh dibenarkan sebagai potongan dalam pengiraan pendapatan bercukai seseorang individu yang bermastautin di Malaysia.

Subseksyen 49(1D) ACP memperuntukkan bahawa, bagi kes seorang individu yang bermastautin bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran (TT) yang telah –

- (a) membayar premium bagi anuiti tertanggung, atau
- (b) membuat caruman atau menanggung caruman kepada Skim Persaraan Swasta (SPS),

potongan akan dibenarkan untuk TT tersebut bagi amaun agregat bayaran atau caruman atau kedua-duanya atau potongan sebanyak tiga ribu (RM3,000), yang mana lebih rendah.

Potongan tersebut berkuat kuasa selama 10 tahun mulai TT 2012 hingga TT 2021.

Nota:

Sebelum TT2012 (TT2010-2011), potongan ke atas anuiti tertanggung dibenarkan di bawah perenggan 49(1A)(a) ACP tertakluk kepada jumlah potongan caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan bayaran premium anuiti tertanggung tidak melebihi RM7,000.

6.1.1 Anuiti tertanggung yang layak untuk potongan

Anuiti tertanggung seperti berikut layak untuk potongan premium:

- (a) Anuiti tertanggung yang disertai pada atau selepas 1.1.2014 yang mempunyai kesemua ciri-ciri yang dinyatakan di perenggan 5.1; dan
- (b) Anuiti tertanggung yang disertai sebelum 1.1.2014 tanpa mengira sama ada ia mempunyai kesemua ciri-ciri yang dinyatakan di perenggan 5.1.

Contoh 2

Fakta adalah sama seperti di Contoh 1. Amaun premium yang dibayar oleh Bee Bee untuk anuiti tertanggung bagi TT 2012 dan TT 2013 adalah masing-masing RM700 dan RM8,400. Tiada caruman SPS yang dibuat.

Potongan yang dibenarkan bagi premium anuiti tertanggung di bawah subseksyen 49(1D) ACP adalah seperti berikut:

TT	2012	2013
Potongan premium dibenarkan (RM)	700	3,000

Contoh 3

Jadual di bawah menunjukkan –

- jumlah premium anuiti tertanggung dan caruman SPS yang dibuat dalam TT 2012 oleh individu-individu pemastautin yang berlainan; dan
- amaun potongan yang boleh dibenarkan dalam TT 2012 di bawah subseksyen 49(1D) ACP.

Bil.	Nama Individu	Bayaran Atau Caruman Yang Dibuat Dalam TT 2012			Amaun Potongan Dibenarkan Dalam TT 2012 - Subseksyen 49(1D)
		Jumlah premium anuiti tertanggung (RM)	Jumlah caruman SPS (RM)	Amaun agregat (RM)	Amaun C atau RM3,000 yang mana lebih rendah (RM)
		A	B	C = A+B	
1	Ahmad	2,000	-	2,000	2,000
2	Aru	-	2,500	2,500	2,500
3	Bala	3,000	-	3,000	3,000

4	Bakri	-	3,000	3,000	3,000
5	Charles	10,000	-	10,000	3,000
6	Chin Chin	-	8,000	8,000	3,000
7	Dollah	1,800	1,000	2,800	2,800
8	Douglas	1,800	1,900	3,700	3,000
9	Eng Huat	4,000	5,000	9,000	3,000
10	Edward	5,000	2,000	7,000	3,000

6.1.2 Potongan daripada jumlah pendapatan

Amaun premium anuiti tertanggung yang dibenarkan bagi sesuatu TT akan ditolak daripada jumlah pendapatan dalam pengiraan pendapatan bercukai individu pemastautin.

Contoh 4

Catherine masih bujang dan beliau bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk TT 2013 dengan pendapatan berkanun seperti berikut:

Punca Pendapatan	Pendapatan Berkanun (RM)
Perniagaan	70,000
Penggajian	180,000
Sewa	12,000

Dalam tahun berakhir 31.12.2013, beliau telah membuat bayaran seperti berikut:

Jenis Bayaran	Amaun (RM)
KWSP	19,800
Premium insurans hayat	7,000
Premium anuiti tertanggung	4,000

Pengiraan Cukai Bagi TT 2013	RM	RM
Pendapatan berkanun perniagaan	70,000	
Pendapatan berkanun penggajian	180,000	
Pendapatan berkanun sewa	<u>12,000</u>	
Pendapatan Agregat / Jumlah Pendapatan		262,000
Tolak: Potongan bagi -		
Diri dan saudara tanggungan	9,000	
Premium insurans hayat dan KWSP (19,800 + 7,000 = 26,800) (terhad)	6,000	
Subseksyen 49(1D)		
Premium anuiti tertangguh RM4,000 (terhad)	<u>3,000</u>	<u>18,000</u>
Pendapatan yang boleh dikenakan cukai		<u>244,000</u>

Contoh 5

Fakta adalah sama seperti di Contoh 4, kecuali bayaran yang dibuat adalah seperti berikut:

Jenis Bayaran	Amaun (RM)
KWSP	19,800
Premium insurans hayat	7,000
Premium anuiti tertangguh	1,200
SPS	1,600

Pengiraan Cukai Bagi TT 2013	RM	RM
Pendapatan berkanun perniagaan	70,000	
Pendapatan berkanun penggajian	180,000	
Pendapatan berkanun sewa	<u>12,000</u>	
Pendapatan Agregat / Jumlah Pendapatan		262,000
Tolak: Potongan bagi -		

Diri dan saudara tanggungan		9,000		
Premium insurans hayat dan KWSP (19,800 +7,000 =26,800) (terhad)			6,000	
Subseksyen 49(1D)				
Premium anuiti tertanggung	1,200			
SPS	<u>1,600</u>	<u>2,800</u>	<u>17,800</u>	
Pendapatan yang boleh dikenakan cukai				<u>244,200</u>

6.1.3 Taksiran bersama

- Subseksyen 49(1E) ACP menyatakan bahawa bagi maksud subseksyen 49(1D), jika subseksyen 50(2) atau 50(3) ACP terpakai, jumlah potongan di bawah subseksyen 49(1D) ACP tidak boleh melebihi RM3,000.
- Subseksyen 45(2) ACP memperuntukkan suami atau isteri boleh memilih taksiran bersama. Walau bagaimanapun, jumlah potongan yang dibenarkan bagi amaun agregat untuk premium anuiti tertanggung dan caruman SPS tidak boleh melebihi RM3,000.
- Jika seseorang individu mempunyai jumlah pendapatan tetapi pasangannya tidak mempunyai sebarang jumlah pendapatan, amaun premium anuiti tertanggung yang dibelanjakan oleh pasangannya akan disifatkan sebagai dibelanjakan oleh individu tersebut.

Contoh 6

Kumar telah berkahwin dan isterinya tidak mempunyai apa-apa pendapatan. Beliau bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk TT 2014 dengan pendapatan berkanun seperti berikut:

Punca Pendapatan	Pendapatan Berkanun (RM)
Penggajian	200,000
Sewa	15,000

Dalam tahun berakhir 31.12.2014, bayaran telah dibuat seperti berikut:

Jenis Bayaran	Amaun (RM)
KWSP : Kumar	22,000
Premium insurans hayat : Kumar	7,000
Premium anuiti tertangguh : Kumar	2,000
: Isteri Kumar	2,000
SPS : Kumar	5,000

Pengiraan Cukai Bagi TT 2014 (Kumar)

	RM	RM
Pendapatan berkanun penggajian	200,000	
Pendapatan berkanun sewa	<u>15,000</u>	
Pendapatan Agregat / Jumlah Pendapatan		215,000
 Tolak: Potongan bagi -		
Diri dan saudara tanggungan	9,000	
Isteri	3,000	
Premium insurans hayat dan KWSP (22,000+7,000=29,000) (terhad)	6,000	
Premium anuiti tertangguh di bawah subseksyen 49(1D) (2,000 + 2,000 + 5,000 = 9,000) (terhad)	<u>3,000</u>	<u>21,000</u>
Pendapatan yang boleh dikenakan cukai		<u>194,000</u>

Contoh 7

Fakta adalah sama seperti di Contoh 6, kecuali bayaran yang dibuat dalam tahun berakhir 31.12.2014 adalah seperti berikut:

Jenis Bayaran	Amaun (RM)
KWSP : Kumar	22,000
Premium insurans hayat : Kumar	7,000
Premium anuiti tertanggung : Kumar	-
: Isteri Kumar	2,000
SPS : Kumar	-

Pengiraan Cukai Bagi TT 2014 (Kumar)

	RM	RM
Pendapatan berkanun penggajian	200,000	
Pendapatan berkanun sewa	<u>15,000</u>	
Pendapatan Agregat / Jumlah Pendapatan		215,000
Tolak: Potongan bagi -		
Diri dan saudara tanggungan	9,000	
Isteri	3,000	
Premium insurans hayat dan KWSP (22,000+7,000=29,000) (terhad)	6,000	
Premium anuiti tertanggung di bawah subseksyen 49(1D)	<u>2,000</u>	<u>20,000</u>
Pendapatan yang boleh dikenakan cukai		<u>195,000</u>

6.1.4 Tiada potongan bagi premium bukan anuiti

Seperti diterangkan di perenggan 5.3.2, jumlah premium bagi anuiti tertanggung terdiri daripada kedua-dua premium anuiti dan premium bukan anuiti. Bagi tujuan potongan di bawah subseksyen 49(1D) ACP, hanya premium anuiti sahaja layak untuk pelepasan cukai.

Contoh 8

Aleena adalah seorang pemastautin di Malaysia. Beliau membeli satu polisi anuiti tertanggung yang menepati kesemua syarat yang disebut di dalam perenggan 5.1. Penyata tahunan 2014 yang dikeluarkan oleh syarikat insurans hayat menyatakan bahawa premium yang dibayar bagi polisi anuiti tertanggung telah dibahagikan kepada 2 komponen seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Aleena tidak membuat caruman kepada SPS dalam tahun 2014.

Premium Yang Dibayar Bagi Polisi Anuiti Tertanggung Dalam TT 2014		
Premium anuiti	Premium bukan anuiti	Jumlah premium dibayar
A	B	$C = A + B$
RM2,400	RM800	RM3,200

Bagi TT 2014, hanya premium anuiti tertanggung sebanyak RM2,400 sahaja boleh diberi potongan di bawah subseksyen 49(1D) ACP.

6.1.5 Premium tidak dibayar

- (a) Premium yang telah dibayar dalam tahun asas bagi suatu tahun taksiran sahaja boleh diberi potongan di bawah subseksyen 49(1D) ACP.
- (b) Potongan tidak dibenarkan dalam kes-kes berikut:
 - (i) Premium sebenarnya belum dibayar walaupun dianggap oleh penanggung insurans hayat atau pengendali takaful sebagai telah dibayar disebabkan adanya klausa tiada pelucuthakan dalam polisi; atau

- (ii) Premium atau tunggakan premium tidak dibayar tetapi dibawa ke hadapan sebagai hutang dan ditolak daripada wang kontan apabila polisi matang atau diserahkan.

6.1.6 Pemegang polisi dan penerima anuiti bukan orang yang sama

Penerima anuiti polisi anuiti tertanggung kebiasaannya adalah juga pemegang polisi. Di mana pemegang polisi berbeza dengan penerima anuiti, pemegang polisi kebiasaannya adalah pasangan atau ibu bapa kepada penerima anuiti. Jika penerima anuiti bukan pemegang polisi dan premium telah dibayar oleh pemegang polisi, pemegang polisi layak untuk menuntut potongan cukai memandangkan pemegang polisi adalah pemilik dan di sisi undang-undang mempunyai hak ke atas polisi.

Contoh 9

Aziz, seorang pemastautin di Malaysia, membeli polisi anuiti tertanggung yang menepati kesemua syarat yang disebut di perenggan 5.1. Polisi tersebut telah dikeluarkan atas nama beliau sebagai pemegang polisi. Penerima anuiti adalah anak lelakinya yang bernama Mohamad. Anak perempuan Aziz, iaitu Hawadah telah dinamakan sebagai penerima manfaat polisi. Semua premium telah dibayar oleh Aziz.

Aziz layak menuntut potongan bagi premium yang dibayar.

6.2 Cukai dikenakan ke atas pengeluaran caruman sebelum umur 55

6.2.1 Cukai pada kadar 8% ke atas amaun pengeluaran

Pemegang polisi yang membuat pengeluaran secara penuh atau sebahagian pada bila-bila masa dalam tempoh bayaran premium iaitu sebelum mencapai umur 55 tahun akan tertakluk kepada cukai pada kadar 8% ke atas amaun pengeluaran berasaskan subseksyen 6(1) dan 109G(1) dan Bahagian XVI Jadual 1 ACP.

Pembayar dikehendaki memotong cukai ke atas amaun pengeluaran dan meremit kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) dalam tempoh satu bulan selepas amaun bersih pengeluaran dibayar kepada pemegang polisi. Jika apa-apa amaun cukai (cukai pegangan) tersebut tidak dibayar kepada KPHDN dalam tempoh satu bulan (atau masa lanjutan

yang dibenarkan oleh KPHDN), amaun cukai yang belum dibayar pada tarikh tersebut akan dinaikkan sebanyak 10%. Amaun yang belum dibayar bersama amaun kenaikan tersebut merupakan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

Contoh 10

Nurul, berusia 48 tahun, membuat pengeluaran pada 1.12.2014 daripada polisi anuiti tertanggungnya. Polisi tersebut mempunyai nilai serahan sebanyak RM70,000.

Amaun pengeluaran : RM70,000
Kadar cukai : 8%
Amaun cukai pegangan : RM5,600

Amaun sebanyak RM5,600 hendaklah diremit oleh penanggung insurans atau pengendali takaful kepada KPHDN pada atau sebelum 31.12.2014. Nurul akan menerima amaun bersih sebanyak RM64,400 (RM70,000 – RM5,600) sahaja sebagai nilai serahan. Beliau tidak perlu melaporkan amaun bersih yang diterima dalam pengiraan cukai bagi TT 2014 kerana cukai yang dikenakan ke atas amaun pengeluaran adalah juga 8% di bawah perenggan 6(1)(l) ACP.

Jika amaun sebanyak RM5,600 tidak dibayar pada atau sebelum 31.12.2014, amaun tersebut akan dinaikkan sebanyak 10% iaitu RM560 (RM5,600 x 10%). Amaun sebanyak RM6,160 (RM5,600 + RM560) merupakan hutang kepada Kerajaan dan kena dibayar kepada KPHDN.

6.2.2 Ketidakkpakaian

Cukai tidak akan dikenakan ke atas amaun yang dikeluarkan oleh pemegang polisi sebelum mencapai umur 55 tahun jika pengeluaran tersebut disebabkan oleh hilang upaya langsung yang kekal, penyakit serius, ketidakupayaan mental, kematian atau meninggalkan Malaysia secara kekal. Manfaat polisi anuiti tertanggung akan dibayar sepenuhnya kepada pemegang polisi.

6.3 Pengecualian pendapatan anuiti

Pendapatan anuiti yang diterima oleh penerima anuiti adalah dikecualikan cukai. Perenggan 36, Jadual 6 ACP menyatakan bahawa jumlah yang diterima secara anuiti yang diberi di bawah kontrak anuiti yang dikeluarkan oleh penanggung insurans hayat Malaysia adalah dikecualikan cukai. Penanggung insurans hayat Malaysia ialah penanggung insurans hayat dan pengendali takaful yang mana

pegangan pemilikan atau keahlian majoritinya adalah warganegara Malaysia.

Contoh 11

Fakta adalah sama seperti di Contoh 1.

Bayaran anuiti sebanyak RM1,000 yang diterima setiap bulan oleh Bee Bee daripada polisi anuiti tertanggungnya adalah dikecualikan cukai.

6.4 Pengecualian pendapatan bagi penanggung insurans dan pengendali takaful

Untuk menggalakkan pembangunan pasaran modal dan mendorong individu membuat pelaburan dalam skim anuiti tertanggung bagi menambahkan simpanan persaraan, pengecualian cukai telah diberikan kepada penanggung insurans dan pengendali takaful atas pendapatan pelaburan yang diperoleh daripada dana anuiti tertanggung.

6.4.1 Perenggan 20A, Jadual 6 ACP memperuntukkan bahawa apa-apa pendapatan yang diterima oleh penanggung insurans hayat atau pengendali takaful daripada pelaburan yang berkaitan dengan dana hayat atau dana takaful keluarga berhubung dengan anuiti tertanggung yang diwujudkan selaras dengan PSP yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia adalah dikecualikan cukai mulai TT 2012.

6.4.2 Untuk tujuan layanan cukai, dana kecil yang berasingan hendaklah dibuka bagi dana anuiti tertanggung dan disimpan dalam akaun yang berasingan daripada dana hayat yang lain atau dana takaful keluarga.

6.4.3 Pengecualian cukai tersebut diberi di peringkat pendapatan bercukai.

Contoh 12

Kurnia Berhad merupakan sebuah syarikat insurans yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Syarikat dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996. Dalam tahun 2012, syarikat mengeluarkan produk anuiti tertanggung yang baru dan mempunyai kesemua ciri-ciri seperti yang dinyatakan dalam perenggan 5.1. Jadual di bawah menunjukkan pendapatan berkanun syarikat daripada pelbagai dana dalam TT 2012.

	RM'000	RM'000
Pendapatan berkanun:		
(a) Dana Hayat - Seksyen 60(3)		
Dana anuiti tertangguh	30,000	
Dana bukan anuiti tertangguh	<u>120,000</u>	150,000
(b) Dana Pemegang Saham – Seksyen 60(3A)		40,000
(c) Perniagaan Am – Seksyen 60(5)		<u>10,000</u>
Jumlah		<u>200,000</u>

Maklumat tambahan bagi TT 2012:

- (i) Syarikat telah membuat derma yang diluluskan sebanyak RM400,000.
- (ii) Syarikat layak untuk tolakan di bawah seksyen 110 sebanyak RM8,700,000.

Pengiraan Cukai Bagi TT 2012

	Dana Hayat [Sub-seksyen 60(3)] RM'000	Dana Pemegang Saham [Sub-seksyen 60(3A)] RM'000	Perniagaan Am [Sub-seksyen 60(5)] RM'000	Jumlah RM'000
	A	B	C	D = A+B+C
Pendapatan berkanun	150,000	40,000	10,000	200,000
Tolak: Derma				400
Pendapatan bercukai				199,600
Pembahagian pendapatan bercukai	149,700 ⁽⁴⁾	39,920 ⁽⁵⁾	9,980 ⁽⁶⁾	199,600

Tolak: Pengecualian pendapatan bercukai (dana anuiti tertanggung)	29,940 ⁽⁷⁾			29,940
	119,760	39,920	9,980	169,660
Kadar cukai pendapatan	8%	25%	25%	
Cukai dikenakan	9,580.80	9,980.00	2,495.00	22,055.80
Tolak: Tolakan seksyen 110				8,700.00
Cukai kena dibayar				13,355.80

$$^{(4)} \quad 150,000 / 200,000 \times 199,600 = 149,700$$

$$^{(5)} \quad 40,000 / 200,000 \times 199,600 = 39,920$$

$$^{(6)} \quad 10,000 / 200,000 \times 199,600 = 9,980$$

$$^{(7)} \quad 30,000 / 150,000 \times 149,700 = 29,940$$

Contoh 13

Fakta adalah sama seperti di Contoh 12, kecuali pendapatan berkanun dan maklumat tambahan adalah seperti berikut:

	RM'000
Pendapatan berkanun / kerugian larasan:	
(a) Dana Hayat - Seksyen 60(3)	
Dana anuiti tertanggung	(50,000)
Dana bukan anuiti tertanggung	212,000
(b) Dana Pemegang Saham – Seksyen 60(3A)	28,000
(c) Perniagaan Am – Seksyen 60(5)	<u>(10,000)</u>
Jumlah	<u>180,000</u>

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA **Ketetapan Umum No. 4/2014**
Tarikh Penerbitan: 24 Jun 2014

Maklumat tambahan bagi TT 2012:

- (i) Syarikat telah membuat derma yang diluluskan sebanyak RM400,000.
- (ii) Syarikat layak untuk tolakan di bawah seksyen 110 sebanyak RM5,000,000.

Pengiraan Cukai Bagi TT 2012

	Dana Hayat [sub- seksyen 60(3)]	Dana Pemegang Saham [sub- seksyen 60(3A)]	Perniagaan Am [sub- seksyen 60(5)]	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
	A	B	C	D = A+B+C
Pendapatan berkanun	212,000	28,000	Tiada	240,000
Tolak: Kerugian tahun asas		28,000		28,000
		(10,000)		(10,000)
	212,000	18,000		230,000
Tolak: Derma				400
Pendapatan bercukai	-	-		229,600
	211,631 ⁽⁸⁾	17,969 ⁽⁹⁾		
Kadar cukai pendapatan	8%	25%		
Cukai dikenakan	16,930.48	4,492.25		21,422.73
Tolak: Tolakan seksyen 110				5,000.00
Cukai kena dibayar				16,422.73

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA **Ketetapan Umum No. 4/2014**
Tarikh Penerbitan: 24 Jun 2014

Kerugian larasan sebanyak RM50,000 daripada dana anuiti tertunda dihantar hadapan ke tahun-tahun taksiran berikutnya untuk ditolak daripada pendapatan berkanun dana anuiti tertunda.

(8)	$\frac{212,000}{230,000} \times 229,600$	=	211,631
(9)	$\frac{18,000}{230,000} \times 229,600$	=	17,969

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**